

TEKS UCAPAN

Naib Canselor UniMAP

Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin

Sempena Majlis Menandatangani MoU

Antara

***Universiti Sains Malaysia, Kolej Universiti TATI, Universiti
Malaysia Perlis, Virtual Reality Solutions Sdn. Bhd. dan
Industronics Automation Sdn. Bhd.***

5 Ogos 2001

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Datuk Susie See Ching Mey, Timbalan Naib
Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat Universiti Sains
Malaysia

Yang Berbahagia Dr Zunaidi Ibrahim, Timbalan Rektor Akademik
dan Antarabangsa Kolej Universiti TATI

Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Abdullah bin Wan Salleh,
.....Industronics Automation Sdn.Bhd

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dif-dif jemputan, , Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media cetak dan elektronik,

Seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya maka dapat kita sama-sama berkumpul pada hari yang berbahagia ini untuk Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan Universiti Sains Malaysia, Kolej Universiti TATI, Virtual Reality Solutions Sdn. Bhd. dan Industronics Automation Sdn. Bhd.

**Budak Kecil Bermain Lilin,
Asyik Bermain Tak Ingat Masa,
Majlis Dilaksana Kerjasama Terjalin,
Memacu Penyelidikan Manfaat Bangsa.**

Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini UniMAP akan terus melebarkan jaringan dengan menandatangani MoU dengan dua buah institusi pengajian Tinggi dan dua buah industri dimana kerjasama ini sudah pasti memberikan faedah serta kebaikan kepada kita semua dalam merealisasikan bidang penyelidikan ke peringkat antarabangsa.

Untuk makluman semua hadirin, pada 29 Julai lalu, UniMAP terus melebarkan sayap ke Sumatera Utara dan Aceh dengan menjalin kerjasama dengan Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta (Kopertis) Wilayah 1. Kerjasama tersebut membabitkan kegiatan pertukaran pelajar UniMAP serta berkaitan soal penyelidikan dengan institusi-institusi pengajian tinggi di bawah naungan Kopertis wilayah 1. Sebanyak 16 institusi pengajian tinggi dari 350 institusi di bawah naungan Kopertis Wilayah 1 turut menandatangani MoU dengan UniMAP.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Bidang perubatan semakin berkembang pesat pada masa kini dengan pelbagai penemuan baru telah ditemui dalam menghasilkan peralatan dan ubat-ubatan yang lebih berkesan.

Ini disebabkan kejayaan yang diperolehi hasil dari penyelidikan yang dilakukan bagi meningkatkan mutu perubatan di seluruh dunia. Masyarakat kini juga dilihat lebih sedar akan pentingnya menjaga kesihatan disamping mendapatkan khidmat perubatan yang berkualiti dan moden. Atas permintaan itu, syarikat-syarikat yang berkaitan farmaseutikal dan peralatan perubatan berlumba-lumba untuk menghasilkan peralatan dan ubat bagi memenuhi permintaan tersebut.

Seperti yang kita tahu, bidang penciptaan alatan perubatan untuk mendiagnos penyakit sentiasa berkembang pesat terutamanya kepada pesakit yang menghadapi masalah untuk mengekalkan keseimbangan tubuh. Penyakit ini semakin menular dikalangan masyarakat kita dengan nisbah pesakit adalah 1:10.

Atas kesedaran itulah, kita akan menandatangani MoU berkaitan kajian dalam membangunkan teknologi yang dapat mengesan dan merawat masalah ketidakseimbangan tubuh yang dinamakan ***Development and validation of the 3D Automated Balance Evaluator and Virtual Rehabilitation (ABEVR) for balance disordered, post-stroke and psychiatric patients.*** Ia akan menjadi peralatan perubatan pertama yang boleh digunakan untuk

mengesan dan merawat yang akan dibangunkan dengan menggunakan teknologi 3D-automasi dan virtual reality.

Hadirin sekalian

Saya amat berbesar hati dan berbangga kerana dapat bekerjasama dengan universiti penyelidikan seperti USM dan Kolej Universiti TATI serta Virtual Reality Solutions Sdn. Bhd. dan Industronics Automation Sdn. Bhd untuk bersama-sama membangunkan teknologi perubatan yang dilihat dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Sebagai sebuah universiti baru, UniMAP sentiasa melihat ruang dan peluang yang ada untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi berkongsi ide dalam meningkatkan mutu penyelidikan di samping mencari peluang untuk menjana pendapatan sendiri.

Saya berharap kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam menghasilkan produk penyelidikan yang memberikan pelbagai kebaikan kepada seluruh Masyarakat dan kita bersama. Rasanya tidak perlulah untuk saya bercakap panjang pada petang ini, saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.